



TERMA DAN SYARAT

Kempen “eWallet Top Up Cash Back”

1. KEMPEN

- 1.1 **Kempen “eWallet Top Up Cash Back”** (“Kempen”) Bank Simpanan Nasional (“BSN”) akan berlangsung dari **15 Mei 2020 hingga 15 Ogos 2020**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”) melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh BSN.
- 1.2 BSN mempunyai hak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan berkuatkuasa.

2. SYARAT KELAYAKAN

- 2.1 Kempen ini dianjurkan oleh BSN dan terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit/-i Utama BSN yang baharu dan sedia ada (“Ahli Kad Yang Layak”).
- 2.2 Semua Kad Kredit/-i Utama BSN dirujuk secara kolektif sebagai (“Kad BSN”).
- 2.3 Ahli Kad berikut adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:-
 - a) Semua Ahli Kad Kredit/-i Tambahan BSN;
 - b) Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen atau yang melanggar Perjanjian mereka dengan BSN; atau

Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk menentukan kriteria kelayakan Ahli Kad Yang Layak untuk Kempen ini.

3. MEKANISME KEMPEN

- 3.1 Ahli Kad Yang Layak hendaklah memenuhi Kriteria Kelayakan dibawah untuk mendapatkan pulangan tunai 10%.

Kriteria Kelayakan	Rakan Niaga eWallet yang mengambil bahagian	Ganjaran Pulangan Tunai
Tambah nilai eWallet minimum RM100 dalam satu transaksi	Touch ‘n Go eWallet GrabPay Boost	10%

Nota: 10% tertakluk kepada had maksimum pulangan tunai yang ditetapkan bagi setiap Ahli Kad.

- 3.2 Setiap Ahli Kad Yang Layak berhak mendapat pulangan tunai maksimum sebanyak RM10 setiap bulan atas dasar yang dahulu didahulukan.
- 3.3 Jumlah pembayaran pulangan tunai sebanyak RM30,000 boleh didapati sepanjang Tempoh Kempen. Pembayaran pulangan tunai adalah seperti berikut:--

Bulan	Tempoh Kelayakan	Had Maksimum Pulangan Tunai setiap Ahli Kad (RM)	Bil. Ahli Kad Yang Layak	Peruntukkan Pulangan Tunai (RM)
Bulan 01	15 Mei – 14 Jun 2020	10	1,000	10,000
Bulan 02	15 Jun – 15 Julai 2020	10	1,000	10,000
Bulan 03	16 Julai – 15 Ogos 2020	10	1,000	10,000
Jumlah			3,000	30,000

- 3.4 Sekiranya berlaku seri pada pembiayaan pulangan tunai yang terakhir di hari yang sama pada bulan itu, Ahli Kad dengan jumlah perbelanjaan kad terkumpul yang tertinggi pada hari tersebut adalah berhak untuk mendapatkan pulangan tunai.
- 3.5 Bayaran pulangan tunai akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Yang Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu daripada tarikh akhir setiap Tempoh Kelayakan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 3.3.
- 3.6 Sekiranya pembayaran pulangan tunai telah dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad dan terdapat pembalikan kemasukan yang dibuat atas sebab transaksi tidak sah, Ahli Kad perlu membayar balik pembayaran pulangan tunai yang dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad tersebut.
- 3.7 Pulangan tunai tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan tunai samada sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 3.8 BSN mempunyai hak untuk memilih Pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.
- 3.9 Akaun Ahli Kad Yang Layak mestilah terkini, sah dan mempunyai rekod yang baik. Sekiranya Ahli Kad Yang Layak menamatkan akaun Kad BSN, maka BSN berhak membatalkan kelayakan Ahli Kad Yang Layak daripada menerima pulangan tunai.
- 3.10 Bahawa keputusan BSN atas semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Ahli Kad Yang Layak. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
- 3.11 Dengan menyertai Kempen tersebut, Ahli Kad Yang Layak memberi kebenaran kepada BSN, mengikut budi bicaranya, untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan-bahan dan/atau apa-apa maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada nama dan/atau gambar Ahli Kad Yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa.

4. HAK BANK

- 4.1 BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan.
- 4.2 BSN berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Ahli Kad Yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Kempen ini.

5. TERMA DAN SYARAT UMUM

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak bersetuju:-
 - a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini ("Terma dan Syarat"), Terma dan Syarat Am Kad BSN dan lain-lain terma dan syarat yang dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa.
 - b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Ahli Kad Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
- 5.2 Ahli Kad Yang Layak juga bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN untuk tujuan Kempen ini.
- 5.3 BSN berhak mengubah, memotong, menambah atau meminda Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini, keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. BSN akan mengeluarkan notis atau sebarang komunikasi kepada Ahli Kad yang Layak melalui Laman Web BSN, dengan pos, pemberitahuan melalui media massa, paparan notis di cawangan-cawangan BSN, melalui alat-alat elektronik atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai.
- 5.4 Terma dan Syarat Kempen ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat Umum Kad BSN. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan terma dan Syarat Kad BSN, maka Terma dan Syarat ini akan diutamakan setakat yang terpakai bagi Kempen ini.
- 5.5 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat muktamad dalam Laman Web BSN akan diutamakan. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

- 5.6 BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menarik balik, membatalkan atau menggantung Kempen ini lebih awal daripada Tempoh Kempen atau melanjutkan Kempen di luar Tempoh Kempen dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.
- 5.7 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad Yang Layak diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dengan menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
- 5.8 Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

6. LIABILITI & TANGGUNGJAWAB

- 6.1 Ahli Kad Yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Ahli Kad Yang Layak dalam Kempen ini.
- 6.2 Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini dan/ atau menuntut hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Ahli Kad Yang Layak.
- 6.3 BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.
- 6.4 Melainkan dilarang oleh undang-undang, BSN secara mutlak boleh menolak sebarang jaminan dalam apa jua bentuk. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Kempen ini.

7. DATA PERIBADI

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan / atau syarikat berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini.
- 7.2 Ahli Kad Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk;
- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
 - b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi;
 - c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.

TERMA DAN SYARAT TAMAT